

132

SOALAN NO. 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

TARIKH : 21 MAC 2018 (RABU)

SOALAN :

Puan Zuraida Binti Kamaruddin minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada Kerajaan boleh membantu mengurangkan kos rawatan kesuburan melalui subsidi atau pelepasan/pengecualian/pemotongan/kredit cukai, sekali gus menaikkan kadar kelahiran.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sememangnya menyedari akan setiap kelahiran cahaya mata adalah merupakan kebahagiaan bagi setiap pasangan yang berkahwin. Justeru, Kerajaan amat prihatin untuk menyediakan perkhidmatan rawatan kesuburan bagi membantu pasangan suami isteri yang mengalami masalah kesuburan untuk mendapatkan anak.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah mula menyediakan perkhidmatan kesuburan ini sejak tahun 1979 kepada pasangan suami isteri yang menghadapi masalah untuk mendapatkan cahaya mata. Selain itu, berdasarkan rekod Kementerian Kesihatan Malaysia sehingga tahun 2017, terdapat sebanyak 44 buah Pusat Rawatan Kesuburan Berdaftar yang menyediakan perkhidmatan kesuburan iaitu empat (4) buah di sektor awam dan 32 buah di sektor swasta.

Pada masa kini, purata kos perawatan dan caj Hospital Kerajaan adalah dianggarkan sebanyak RM4,000.00 hingga RM10,000.00 manakala di hospital swasta di antara RM8,000.00 hingga RM30,000.00.

Dalam hal penyediaan subsidi, pihak Kerajaan sememangnya menanggung sepenuhnya kos ubat yang menjangkau sehingga RM5,000.00 setiap satu kitaran, dan hanya mengenakan kos prosedur. Caj bayaran pendaftaran yang dikenakan di Hospital Kerajaan ialah di antara RM1.00 dan RM5.00, manakala bayaran bagi prosedur *Intrauterine Insemination* (IUI) ialah RM5.00 dan RM5,000.00 bagi prosedur *In Vitro Fertilisation* (IVF).

Selain itu juga, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001 Kerajaan turut memberikan subsidi caj rawatan secara percuma kepada kakitangan awam yang mendapatkan perawatan masalah subfertiliti primer di Hospital Kerajaan atau Agensi Kerajaan. Subfertiliti primer merujuk kepada pasangan yang tidak pernah mengandung dan ingin mendapatkan anak.

105

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK
ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 21.3.2018 (RABU)

SOALAN : 45

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat terus ke Rumah Tunku, Nanga Sebiro, Sg. Gaat, Bahagian Kapit.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan projek membina jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat terus ke Rumah Tunku, Nanga Sebiro, Sg. Gaat, Bahagian Kapit tiada dalam senarai yang telah diluluskan oleh EPU, JPM bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan* 3 Tahun 2018.

Peruntukan bagi pelaksanaan projek Jalan Luar Bandar (JALB) di bawah Kementerian ini adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) yang dipohon berdasarkan kepada senarai keutamaan yang telah dikemukakan dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Hanya projek-projek yang telah diluluskan oleh EPU, JPM sahaja mempunyai peruntukan bagi pelaksanaannya.